



MINISTRY OF ECONOMY
DEPARTMENT OF STATISTICS MALAYSIA

KENYATAAN MEDIA

LAPORAN STATISTIK UPAH PEKERJA (SEKTOR FORMAL), SUKU TAHUN PERTAMA 2023

Median upah pekerja pada bulan Mac 2023 bernilai RM2,600

PUTRAJAYA, 4 Ogos 2023 – Hari ini, Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM) buat pertama kalinya mengeluarkan **Laporan Statistik Upah Pekerja (Sektor Formal), Suku Tahun Pertama 2023** yang dilancarkan oleh Yang Berhormat Tuan Mohd Rafizi Ramli. Majlis ini turut dihadiri oleh YBhg. Dato' Nor Azmie bin Diron, Ketua Setiausaha Kementerian Ekonomi. Statistik ini disusun bersumberkan data pentadbiran yang diperoleh daripada agensi berkaitan. Penghasilan laporan ini adalah produk pertama yang berjaya diterbitkan menggunakan inisiatif kerangka Pembangunan Pangkalan Data Utama (PADU) yang melibatkan pengintegrasian data pentadbiran yang pelbagai berkaitan pasaran pekerjaan. Penerbitan ini yang memberi tumpuan kepada warganegara dalam sektor formal, memaparkan landskap tenaga kerja Malaysia, yang merangkumi statistik upah yang dibayar semasa tempoh rujukan. Upah yang dianggarkan dalam penerbitan ini merujuk kepada semua ganjaran dalam bentuk wang yang meliputi bonus, komisen dan elaun dibayar kepada pekerja untuk pekerjaan yang dilakukan pada tempoh rujukan.

Mengupas lanjut tentang laporan berkenaan, Ketua Perangkawan Malaysia, Dato' Sri Dr. Mohd Uzir Mahidin berkata “Median upah bulanan pada Mac 2023 bagi pekerja formal warganegara adalah sebanyak RM2,600 dengan bilangan pekerja formal warganegara seramai 6.45 juta orang.

Jika dilihat dari segi jantina, pada Mac 2023, pekerja formal lelaki merangkumi 55.5 peratus atau seramai 3.58 juta orang dengan median upah sebanyak RM2,664 sebulan. Sementara itu, 44.5 peratus daripada keseluruhan pekerja formal diwakili oleh pekerja perempuan bersamaan dengan 2.87 juta orang dengan median upah bulanan sebanyak RM2,545. Perbandingan dengan Mac 2022, median upah bulanan bagi kedua-dua pekerja formal lelaki dan perempuan menunjukkan tren yang meningkat, masing-masing sebanyak 8.0 peratus, dan 8.6 peratus.”

Melihat kepada situasi upah mengikut kumpulan umur, Dato' Sri Dr. Mohd Uzir Mahidin berkata, “Median upah bulanan tertinggi pada Mac 2023 direkodkan oleh pekerja formal berumur 45 hingga 49 tahun dan 40 hingga 44 tahun sebanyak RM3,500. Kedua-dua kumpulan ini secara kolektif membentuk hampir 20 peratus daripada jumlah keseluruhan pekerja formal. Seterusnya, median upah bulanan mula menunjukkan penurunan bagi

kumpulan umur 50 hingga 54 tahun dengan median upah bulanan sebanyak RM3,400 pada Mac 2023. Sebaliknya, kumpulan umur bawah 20 tahun menerima median upah bulanan terendah sebanyak RM1,500 (Mac 2023).”

Mengulas lanjut tentang situasi upah mengikut aktiviti ekonomi, Ketua Perangkawan berkata, “Kesemua sektor merekodkan peningkatan dalam median upah bulanan. Bagi sektor Perlombongan & pengkuarian, walaupun hanya mewakili 0.5 peratus daripada keseluruhan pekerja formal, mencatatkan median upah bulanan tertinggi pada Mac 2023 sebanyak RM7,500. Manakala, median upah bulanan terendah diterima bagi sektor Pertanian iaitu sebanyak RM1,900, menunjukkan pertumbuhan yang signifikan sebanyak 8.9 peratus tahun ke tahun pada Mac 2023.”

Dato’ Sri Dr. Mohd Uzir Mahidin menambah, “Pada Mac 2023, median upah bulanan tertinggi diterima oleh W.P. Kuala Lumpur sebanyak RM3,927, diikuti oleh Selangor sebanyak RM2,964 dan Pulau Pinang sebanyak RM2,627. Sebaliknya, Kelantan, Perlis dan Sabah menunjukkan median upah bulanan yang rendah masing-masing sebanyak RM1,600, RM1,627 dan RM1,782, dalam tempoh yang sama.”

Dari segi taburan upah pada Mac 2023, Ketua Perangkawan berkata, “34.8 peratus daripada pekerja formal Malaysia menerima pendapatan di bawah RM2,000. Namun, peratusan ini menurun daripada 40.2 peratus yang direkodkan pada bulan Mac 2022, berkemungkinan kesan daripada kenaikan kadar gaji minimum mulai Mei 2022. Pada masa yang sama, kira-kira 5.2 peratus pekerja formal warganegara menerima upah tertinggi (RM15,000 dan ke atas). Sungguhpun begitu, nisbah upah antara kumpulan penerima upah tertinggi (persentil ke-90) dan kumpulan penerima upah terendah (persentil ke-10) menggambarkan penerima upah di kelas yang tertinggi menerima lebih dari 6 kali ganda upah berbanding penerima upah di kelas yang terendah”

Mengakhiri kenyataannya, Dato’ Sri Dr Mohd Uzir Mahidin berkata, “DOSM akan terus mengukuhkan penyusunan dan penghasilan statistik gaji & upah dalam pelbagai dimensi yang diperlukan melalui kerjasama dan perkongsian data pentadbiran yang berpotensi menghasilkan maklumat yang lebih bertepatan masa dan membantu pembangunan profil para pekerja dalam negara yang komprehensif meliputi dimensi kemahiran, pendidikan, maklumat tanggungan, percukaian, perlindungan sosial dan lain-lain. Selain itu, melalui pengintegrasian dengan data pentadbiran lain, DOSM akan menerbitkan statistik upah pekerja mengikut pelbagai dimensi mengikut saiz pertubuhan (PMKS & bukan PMKS), mengikut jenis intensif industri (intensif modal atau buruh), mengikut tahap kemahiran dan pekerjaan, mengikut status syarikat seperti Syarikat Multi-Nasional (MNC); Pelaburan Langsung Asing (FDI), mengikut pemilikan syarikat, mengikut orientasi perniagaan (berorientasikan eksport atau permintaan domestik), mengikut skala ekonomi perniagaan, mengikut tempoh penakatan syarikat dan lain-lain.”

Data siri masa serta maklumat lanjut berkaitan pasaran buruh boleh diperolehi melalui dashboard Malaysia Labour Market Interactive Data (MyLMID). Sila layari <https://mbls.dosm.gov.my/mylmid/> untuk maklumat lanjut atau imbas kod QR di bawah.




Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM) sedang menjalankan Banci Ekonomi pada tahun 2023. DOSM amat menghargai kerjasama daripada responden dalam memberikan maklumat kepada DOSM serta menjayakan banci ini. Sila layari www.dosm.gov.my untuk maklumat lanjut.

DOSM telah melancarkan OpenDOSM NextGen sebagai medium yang menyediakan katalog data dan visualisasi untuk memudahkan pengguna menganalisis pelbagai data. OpenDOSM NextGen ialah medium perkongsian data sumber terbuka dan boleh diakses melalui portal <https://open.dosm.gov.my>.

Kerajaan Malaysia telah mengisytiharkan Hari Statistik Negara (MyStats Day) pada 20 Oktober setiap tahun. Tema sambutan MyStats Day adalah “Connecting the World with Data We Can Trust”.

Paparan 1: Median Upah Bulanan, Januari 2022 – Mac 2023




Paparan 2: Median Upah Bulanan Mengikut Jantina, Januari – Mac 2023




Paparan 3: Median Upah Bulanan Mengikut Aktiviti Ekonomi, Januari – Mac 2023



Paparan 4: Median Upah Bulanan Mengikut Negeri, Januari – Mac 2023



Paparan 5: Taburan Upah Pekerja Mengikut Skala Gaji, Mac 2022 & Mac 2023



Dikeluarkan oleh:

PEJABAT KETUA PERANGKAWAN MALAYSIA
JABATAN PERANGKAAN MALAYSIA
4 OGOS 2023



MINISTRY OF ECONOMY
DEPARTMENT OF STATISTICS MALAYSIA

MEDIA STATEMENT

EMPLOYEE WAGES STATISTICS (FORMAL SECTOR) REPORT, FIRST QUARTER 2023

Median wages of employee in March 2023 is RM2,600

PUTRAJAYA, 4 August 2023 – Today, Department of Statistics, Malaysia (DOSM) for the first time released **Employee Wages Statistics (Formal Sector) Report, First Quarter 2023** launched by Yang Berhormat Mr. Mohd Rafizi Ramli. This event was also attended by YBhg. Dato' Nor Azmie bin Diron, the Secretary General of the Ministry of Economy. These statistics are compiled based on the administrative records received from relevant agencies. The release of this report was the first product that has been successfully published using the Pangkalan Data Utama (PADU) initiative, which involves the integration of various administrative data related to the labour market. This publication which focuses on citizen who works in formal sector, presents a Malaysia's workforce landscape, encompassing statistics of wages paid during reference period. The wages estimated in this publication refer to all monetary rewards including bonuses, commissions and allowances paid to employees for work performed during the reference period.

To elaborate on the report, Chief Statistician Malaysia, Dato' Sri Dr. Mohd Uzir Mahidin said "Median monthly wages in March 2023 for citizen formal employees is RM2,600, with the number of citizen formal employees accounted to 6.45 million persons.

In terms of gender, in March 2023, male formal employees constitutes 55.5 per cent or 3.58 million persons with monthly median wages of RM2,664. Meanwhile, 44.5 per cent of total formal employees comprises of female employees, which equivalent to 2.87 million persons with median monthly wages of RM2,545. Compared to March 2022, the median monthly wages for both male and female formal employees showed an increasing trend of 8.0 percent and 8.6 percent, respectively."

Looking at wages situation by age group, Dato' Sri Dr. Mohd Uzir Mahidin said, "The highest median monthly wages in March 2023 was recorded for formal employees ages 45 to 49 and ages 40 to 44 with RM3,500. These two groups collectively constitute nearly 20 per cent of the total formal employees. Subsequently, median monthly wages start to show a decrease for age group 50 to 54 years with median monthly wages of RM3,400 in March 2023. On the other hand, age group below 20 years received lowest median monthly wages amounting to RM1,500 (Mac 2023)."

Commenting further on wages situations by economic activity, the Chief Statistician said, “All sectors recorded an increase in median monthly wages. Mining & quarrying sector, despite only representing 0.5 per cent of the total formal employees, recorded the highest median monthly wages in March 2023 at RM7,500. Meanwhile, the lowest median monthly wages received by Agriculture sector with RM1,900, marking an impressive 8.9 per cent year-on-year growth, in March 2023.”

Dato’ Sri Dr. Mohd Uzir Mahidin added that, “In March 2023, the highest median monthly wages received by W.P. Kuala Lumpur with RM3,927, followed by Selangor at RM2,964 and Pulau Pinang at RM2,627. In contrast, Kelantan, Perlis, and Sabah demonstrates the lowest median monthly wages of RM1,600, RM1,627 and RM1,782 respectively, during the same period.”

In terms of wage distributions in March 2023, the Chief Statistician said, “34.8 per cent of total Malaysian’s formal employees earned below RM2,000. However, this proportion decreased from 40.2 per cent recorded in March 2022, likely due to the minimum wage increase starting in May 2022. In the meantime, about 5.2 per cent of total citizen formal employees earned the highest level of wages (RM15,000 and above). However, wage ratio between the highest wage recipient group (90th percentile) and the lowest wage recipient group (10th percentile) shows that the highest wage recipient group received more than 6 times of wages compared to the lowest wage recipient group.”

Concluding his statement on today’s release, Dato’ Sri Dr Mohd Uzir Mahidin said, “In the near future, DOSM will continue to strengthen the compilation and production of salaries & wages statistics in various dimensions through collaboration and sharing of administrative data that has the potential to produce more timely information and assist the development of a comprehensive employees’ profile in Malaysia covering the dimensions of skills, education, dependent information, taxation , social protection and others. In addition, through integration with other administrative data, DOSM will publish employee wages statistics according to various dimensions such as size of the organization (SME & non-SME), according to type of intensive industry (capital or labour intensive), according to the level of skills and occupation, according to the status of the company such as Multi-National Corporation (MNC) and Foreign Direct Investment (FDI), according to company ownership, according to business orientation (export oriented or domestic demand), according to the economic scale of the business, according to the company's period of limitation and others.”

Time series statistics and more information on the labour market can be obtained from the Malaysia Labour Market Interactive Data (MyLMID) portal. For more information, please visit <https://mbls.dosm.gov.my/mylmid/> or scan the QR code below.



The Department of Statistics Malaysia (DOSM) is conducting the Economic Census in 2023. DOSM greatly appreciates the cooperation of respondents in providing information and ensuring the success of this census. Please visit www.dosm.gov.my for more information.

DOSM has launched OpenDOSM NextGen as a medium that provides a catalogue of data and visualisation to facilitate users in analysing various data. OpenDOSM NextGen is an open source data sharing platform and accessible through <https://open.dosm.gov.my> portal.

The Government of Malaysia has declared National Statistics Day (MyStats Day) on October 20 each year. MyStats Day theme is “Connecting the World with Data We Can Trust”.

Exhibit 1: Median Monthly Wages, January 2022 – March 2023




Exhibit 2: Median Monthly Wages by Gender, January – March 2023




Exhibit 3: Median Monthly Wages by Economic Activity, January – March 2023




Exhibit 4: Median Monthly Wages by State, January – March 2023





Exhibit 5: Employee Wages Distribution by Wage Scale, March 2022 & March 2023



Released by:
THE OFFICE OF CHIEF STATISTICIAN MALAYSIA
DEPARTMENT OF STATISTICS, MALAYSIA
4 AUGUST 2023